

# CANDAZOLE LOTION

Clotrimazole (1% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CANDAZOLE LOTION
2. Bagaimana CANDAZOLE LOTION berfungsi
3. Sebelum menggunakan CANDAZOLE LOTION
4. Cara menggunakan CANDAZOLE LOTION
5. Semasa menggunakan CANDAZOLE LOTION
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CANDAZOLE LOTION
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan CANDAZOLE LOTION

CANDAZOLE LOTION digunakan untuk merawat jangkitan kulat pada kulit seperti kurap badan (*ringworm*), kurap groin (*jock itch*), penyakit kaki atlet (*athlete's foot*) dan panau (*tinea versicolor*).

## Bagaimana CANDAZOLE LOTION berfungsi

Clotrimazole adalah agen anti-kulat yang bertindak ke atas jangkitan kulat pada kulit.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan CANDAZOLE LOTION

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil CANDAZOLE LOTION sekiranya:

- Anda mempunyai alahan (hipersensitif) terhadap Clotrimazole atau mana-mana bahan lain di dalam ubat ini.
- Pada trimester pertama semasa kehamilan, Clotrimazole hanya digunakan apabila keperluan untuk penggunaannya telah dipertimbangkan.
- Anda hamil, menyusu anak atau merancang untuk mengandung, tanya doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan CANDAZOLE LOTION. Jika

anda telah memberitahu kepada doktor atau ahli farmasi, sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi.

- Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak yang berumur 2 tahun ke bawah, kecuali atas nasihat doktor dan dibawah pengawasannya

### -Sebelum mula mengambil

Sentiasa membasuh tangan sebaik sahaja selesai menggunakan losyen ini supaya anda tidak terkena pada bahagian sensitif seperti bibir atau mata. Jika ini berlaku, bilas dengan air bersih yang banyak.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

## Cara menggunakan CANDAZOLE LOTION

### -Berapa banyak harus digunakan

Jika cara penggunaan CANDAZOLE LOTION telah ditetapkan oleh doktor anda, sila ikut arahan doktor.

Jika anda membeli produk ini tanpa arahan cara penggunaan daripada doktor atau ahli farmasi, anda boleh mengikuti cara penggunaan seperti berikut:

- Cuci dan keringkan bahagian jangkitan kulat. Titis dengan merata CANDAZOLE LOTION di sekitar bahagian yang terjangkit dengan berhati-hati.

### -Bila perlu digunakan

Dua kali sehari, iaitu pada pagi dan petang.

Penggunaan yang kerap adalah mustahak untuk memastikan keberkesanan rawatan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Bagi mengelakkan jangkitan semula, rawatan perlu diteruskan selama 2 minggu selepas kehilangan tanda-tanda jangkitan.

Tanda-tanda jangkitan seperti gatal-gatal atau sakit akan berkurangan dalam tempoh beberapa hari walaupun tanda-tanda seperti kemerahan dan kulit bersisik akan mengambil masa yang lebih lama untuk hilang. Dapatkan nasihat doktor jika tiada perubahan selepas 4 minggu (untuk penyakit kaki atlet) atau 2 minggu (untuk kurap groin).

### -Jika terlupa menggunakan

Sapukan losyen ini secepat mungkin dan kemudian teruskan rawatan anda seperti biasa.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat berkenaan penggunaan pada kulit secara berlebihan/overdos.

Jika anda secara tidak sengaja tertelan losyen ini, sila hubungi doktor dengan segera atau hubungi Jabatan Kemalangan and Kecemasan hospital terdekat. Jika anda tidak sengaja terkena losyen di mata atau mulut, bilas segera dengan air dan hubungi doktor anda.

## Semasa menggunakan CANDAZOLE LOTION

### -Perkara yang perlu dilakukan

Bagi memastikan keberkesanan rawatan, anda boleh mengikuti langkah-langkah mudah seperti berikut:

- Jaga kebersihan di bahagian jangkitan.
- Pastikan bahagian jangkitan adalah sentiasa kering, tanpa menggosok kawasan jangkitan dengan terlampau kerap atau kuat.
- Kebersihan kulit juga perlu dititikberatkan dalam rawatan jangkitan kulat, terutamanya pada kaki dan bahagian-bahagian lain kulit berlipat.
- Sentiasa membasuh tangan selepas merawat jangkitan bagi mengelakkan ia daripada merebak.

# CANDAZOLE LOTION

Clotrimazole (1% w/v)

## -Perkara yang tidak boleh dilakukan

### CANDAZOLE LOTION adalah untuk kegunaan luaran sahaja.

Losyen ini tidak boleh ditelan atau digunakan dalam mulut. Elakkan daripada berkongsi tuala, tikar mandi, dan lain-lain dengan orang lain kerana anda boleh menyebarkan jangkitan kepada mereka.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan losyen daripada bersentuhan dengan mata dan membran mukus seperti bibir/mulut/bahagian tengah dalam telinga.

Anda tidak digalakkan menggaru walaupun berasa gatal di bahagian jangkitan. Menggaru boleh mengakibatkan kecederaan pada permukaan kulit dan menyebabkan jangkitan merebak ke bahagian lain.

## Kesan-sesan sampingan

CANDAZOLE LOTION boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Seperti ubat-ubatan lain, sesetengah orang mungkin mempunyai alahan kepada losyen ini. Sekiranya anda mempunyai alahan atau mengalami kerengsaan terhadap losyen ini, anda mungkin mengalami tindakbalas alergi selepas penggunaan losyen ini. Jika anda mengalami tindakbalas alergi, berhenti menggunakan CANDAZOLE LOTION dan segera berjumpa dengan doktor anda. Tanda-tanda tindakbalas alergi termasuklah:

- Ruam.
- Masalah pernafasan atau menelan.
- Bengkak bibir, muka, tekak atau lidah.
- Badan berasa lemah, rasa pening atau pengsan.
- Loya.

Selepas anda menggunakan losyen anda mungkin mengalami:

- Rasa pedih, kulit kemerahan, bengkak, melepuh, kulit menggelupas, rasa yang sangat gatal dan ruam kulit.

Sekiranya anda mengalami mana-mana kesan sampingan seperti disenaraikan di atas, atau mengalami tindakbalas terhadap losyen ini (termasuklah kesan sampingan yang tidak dinyatakan dalam risalah ini), maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [nprra.moh.gov.my](http://nprra.moh.gov.my) [Public → Reporting Side Effect to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## Cara penyimpanan dan pelupusan CANDAZOLE LOTION

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Jauhi daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna CANDAZOLE LOTION

CANDAZOLE LOTION adalah larutan jernih tanpa warna dan boleh didapati dalam botol penitis 10ml.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:  
Clotrimazole.

-Bahan-bahan tidak aktif:  
Propylene Glycol

### -Nombor MAL:

MAL19900301XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP  
08/08/2018

Nombor Siri:  
NPRA(R4/1)010818/00223